



**KURSUS PEMANTAPAN JURULATIH UTAMA  
KAJIAN TINDAKAN**

**HOTEL BELLA VISTA  
LANGKAWI, KEDAH**

**5 – 8 FEBRUARI 2007**

**Tajuk Kertas:**

**Perkembangan Terkini Dalam Kajian Tindakan**

**Dr. Soon Seng Thah**

**ANJURAN  
UNIT PENYELIDIKAN DASAR  
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# **Perkembangan Terkini Dalam Kajian Tindakan**

**Soon Seng Thah, Ph.D**  
**Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan**  
**Kementerian Pelajaran Malaysia**

## **1. Pengenalan**

Dalam era globalisasi dan K-ekonomi, sistem pendidikan Malaysia perlu relevan dengan perkembangan di dunia. Walau bagaimanapun, kerelevanan ini perlu selari dengan aspirasi negara. Dalam konteks ini pendidikan boleh memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan objektif negara ke arah mewujudkan sumber manusia yang boleh bersaing dalam arena globalisasi dan K-ekonomi. Oleh yang demikian, untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia relevan, maka para pendidik dan pihak berkepentingan (*stakeholders*) perlu bersama-sama berusaha untuk melonjakkan sekolah ke tahap kecemerlangan. Bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat antarabangsa dan mewujudkan satu sistem pendidikan yang relevan dan dinamik, maka guru perlu memainkan peranan sebagai pendidik yang menghayati aspek profesionalisme. Salah satu usaha yang boleh menjadikan profesion perguruan disanjung tinggi adalah melalui kajian tindakan.

## **2. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Dalam Konteks Kajian Tindakan**

YAB Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan PIPP 2006 – 2010 pada 16 Januari 2007 dan Pelan ini mempunyai enam teras strategik bagi memperkukuhkan sistem pendidikan negara, iaitu:

- Teras 1 : Membina Negara Bangsa
- Teras 2 : Membangun Modal Insan
- Teras 3 : Memperkasa Sekolah Kebangsaan
- Teras 4 : Merapatkan Jurang Pendidikan
- Teras 5 : Memartabatkan Profesion Guru
- Teras 6 : Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Di antara teras-teras strategik yang termaktub dalam PIPP, Teras 5 iaitu “Memartabatkan Profesion Guru” ada kaitan dengan kajian tindakan. Teras 5 ini memberi fokus untuk menghasilkan guru yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan, dengan memenuhi sebahagian besar keperluan intelektual, rohani, fizikal dan emosional para guru.

PIPP menyarankan “guru perlu memahami, memberi komitmen dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan.” h. 106. Peranan guru ini adalah secocok dengan saranan *Organisation for Economic Co-operation and Development, 2005* (dinyatakan dalam PIPP 2006 – 2010) yang menyatakan:

*“... as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching.”*

Tidak boleh dinafikan bahawa guru adalah sumber utama penyebaran pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Kalau dahulunya peranan guru adalah sebagai “penyampai pengetahuan” (*provider of knowledge*), kini peranan guru adalah sebagai “pemudah cara pengetahuan” (*facilitator of knowledge*). Konsep ini sebenarnya mempunyai asal usul dalam pendekatan konstruktivisme (*constructivism*) seperti yang dihebahkan dalam ilmu teknologi pengajaran. Oleh itu, untuk meningkatkan peranan guru, maka guru perlu kreatif dan efektif dalam penyampaian mereka. Secara umumnya, guru boleh menjadi efektif dalam penyampaiannya dengan membuat adaptasi terhadap situasi setempat. Ini kerana pendekatan bagi satu kumpulan pelajar yang baik mungkin tidak boleh digunakan bagi satu kumpulan pelajaran yang lemah. Bagi membolehkan guru efektif, maka mereka perlu sentiasa memikirkan pendekatan baru dan menyesuaikan amalan mereka kepada kehendak pelajar. Penggunaan kaedah kajian tindakan boleh menjadi satu *platform* bagi guru menuju ke arah penambah-baikkan keberkesanan.

Menurut PIPP juga, bagi mencapai matlamat dan dasar memartabatkan profesion perguruan, fokus perlu diberikan kepada:

- i. menambah baik sistem pemilihan calon guru;
- ii. memantapkan latihan perguruan;
- iii. memantapkan kerjaya guru;
- iv. menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru; dan
- v. memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia.

Salah satu fokus memantapkan latihan perguruan dalam PIPP adalah “memberi penekanan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) bagi menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja pendidik guru.” h. 114. Objektif ini dijangka dapat meningkatkan bilangan guru yang terlibat dalam R & D pada tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Peluasan dan peningkatan dalam bidang R & D seperti yang tertera dalam PIPP adalah bertujuan untuk meningkatkan R & D/kajian impak/penilaian/kajian tindakan dari 2006 – 2010. Dalam aspek ini, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan diamanahkan untuk menyelaras program kajian tindakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri bagi mencapai objektif pembudayaan pendidikan di kalangan guru. Pembudayaan kajian tindakan ini perlu sentiasa dipantau demi untuk memastikan kejayaan program ini di semua peringkat.

PIPP juga menyentuh tentang penambahan kuota guru cemerlang ke gred DGA 32 dan DG 44. Dalam aspek ini, salah satu kriteria pertimbangan kenaikan pangkat ke guru cemerlang adalah kebolehan guru untuk menjalankan kajian tindakan. Oleh itu penglibatan guru dalam kajian tindakan boleh mendatangkan banyak manfaat terhadap pembangunan profesion perguruan.

Memandangkan betapa pentingnya kajian tindakan sebagai pendorong ke arah pencapaian objektif PIPP terutamanya memartabatkan profesion perguruan, maka guru perlu mengetahui perkembangan baru dan teknologi yang sedia ada dalam bidang ini. Ini dapat membantu guru memudahkan proses menjalankan kajian tindakan dan memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai jurulatih utama.

### **3. Dikotomi Penyelidikan Asas (*Basic Research*) dan Penyelidikan Gunaan (*Applied Research*)**

Kajian tindakan merupakan cabang daripada bidang umum yang digelar “penyelidikan pendidikan”. Penyelidikan pendidikan boleh dibahagikan kepada dua jenis utama, iaitu: i. penyelidikan asas (*basic research*) dan ii. penyelidikan gunaan (*applied research*). Wiersma (2000), mentakrifkan penyelidikan pendidikan sebagai:

*“Educational research is systematic and within a broad framework follows the steps of the scientific method. However, across different types of studies there is extensive flexibility in how the steps are implemented.”*

h. 4.

Berasaskan takrifan Wiersma (2000), penyelidikan seharusnya mengikut pendekatan saintifik dan ia merupakan punca asas bagi meningkatkan hasil pendidikan (*educational outcomes*).

Penyelidikan asas bertujuan untuk memperoleh data empirik yang boleh digunakan untuk menghasilkan atau mengembangkan teori. Oleh itu penyelidikan asas adalah “*theory-based*” dan menurut Tuckman (1999), ia berkaitan dengan peninjauan dua atau lebih pemboleh ubah. Dalam perkataan lain, penyelidikan asas merangkumi proses mengenal pasti masalah, meninjau pemboleh ubah melalui tinjauan literatur, menghasilkan hipotesis jika perlu, mewujudkan reka bentuk penyelidikan bagi meninjau masalah, memungut dan analisis data, dan menghasilkan kesimpulan berdasarkan perhubungan pemboleh ubah.

Di sebaliknya, penyelidikan gunaan bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah amalan yang dihadapi oleh guru. Dalam konteks di Malaysia, penyelidikan gunaan digelar sebagai kajian tindakan (*action research*)<sup>1</sup>. Masalah kajian tindakan ini boleh wujud dalam konteks bilik darjah ataupun dalam konteks persekitaran sekolah atau komuniti. Carl & Kemmis (1986) berpendapat:

*“Action research is a form of self-reflective enquiry undertaken by participants (teachers, students or principals, for example) in social (including educational) situations in order to improve the rationality and justice of (a) their own social or educational practices, (b) their understanding of these practices, and (c) the situations (and institution) in which these practices are carried out.”*

Gay & Airasian (2000) berpendapat kajian tindakan sebagai:

*“...a process in which individual or several teachers collect evidence and make decisions about their own knowledge, performance, beliefs, and effects in order to understand and improve them.”* p. 593

#### **4. Klasifikasi Baru Kajian Tindakan**


Menurut pendekatan konvensional, kajian tindakan hanya dijalankan dalam konteks bilik darjah sahaja. Ini tidak begitu tepat dalam konteks sekarang. Pada masa kini, takrifan kajian lebih luas dan merangkumi komuniti pendidikan ataupun komuniti yang ada hubungan dengan pendidikan atau sekolah. Kini, kejayaan sesuatu usaha pendidikan bukanlah seolah-olah peranan satu pihak dan memang bukanlah hanya peranan guru yang menjamin kejayaan pelajar, bahkan lain-lain pihak yang berkepentingan juga memainkan peranan dalam kejayaan pelajar. Di antara pihak berkepentingan atau aspek-aspek yang mempengaruhi kejayaan pelajar adalah guru besar/pengetua sekolah, ibu bapa, komuniti di mana terletak sekolah, kemudahan yang sedia ada di sekolah, tuisyen, kelayakan guru dan sebagainya. Kejayaan sesuatu sekolah bukan lagi disebabkan sebab faktor guru dan pelajar seolah-olahnya tetapi gabungan faktor-faktor lain yang

---

<sup>1</sup> Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran telah bersetuju menyeragamkan penggunaan istilah “kajian tindakan” dan bukannya “penyelidikan tindakan”.

sama-sama memberi sumbangan terhadapnya. Ini diberi perhatian dalam PIPP. PIPP melihat pendekatan proses pendidikan sebagai satu “*integrated approach*” ataupun “*multi-prong approach*”.

Berdasarkan paradigma baru ini, Creswell (2005) membahagikan kajian tindakan kepada dua jenis, iaitu: i. kajian tindakan amalan (*practical action research*) dan ii. kajian tindakan penyertaan (*participatory action research*) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Jenis-Jenis Kajian Tindakan (Creswell, 2005)

Dalam klasifikasi kajian tindakan tersebut, kajian tindakan amalan melibatkan peninjauan tentang amalan guru dalam konteks bilik darjah di mana guru itu mengajar. Ini boleh dijalankan sama ada melalui dirinya sendiri atau pun melibatkan rakan sejawat beliau yang mengajar mata pelajaran yang sama (*team-based inquiry*) dengan memberi fokus terhadap amalan guru (*teacher development*) dan pembelajaran pelajar (*student learning*). Guru yang menjalankan kajian tindakan amalan ini mesti melaksanakan satu pelan

tindakan bagi mencapai matlamat beliau sebagai seorang guru penyelidik (*teacher as researcher*).

Di sebaliknya kajian tindakan penyertaan melibatkan kajian tentang isu-isu sosial yang menghindarkan perkembangan pelajar. Untuk melihat isu seperti ini, guru perlu meninjau latar belakang sosial pelajar dan persekitaran sekolah. Guru perlu mengadakan kolaborasi dengan komuniti atau pihak berkepentingan bagi mencari sebab musabab kenapa seseorang pelajar itu tidak boleh menguasai ilmu. Apabila faktor-faktor yang menghindar pelajar itu diperoleh, maka guru boleh melaksanakan program untuk mengubah “cara hidup” pelajar (*life-enhancing changes*) dan dengan berbuat demikian, ia akan menjadikan guru sebagai “*emancipated researcher*” ataupun guru yang membebaskan pelajarinya daripada sesuatu “belenggu” yang mencegah perkembangan pelajar. Menurut Creswell (2005) kajian tindakan penyertaan “...has a social and community orientation and an emphasis on research that contributes to emancipation or change in our society.” p. 555. Kajian tindakan seperti ini juga digelar dengan berbagai-bagai nama seperti *community-based inquiry* (Stringer, 1999), *collaborative action research or participatory research* (Kemmis & McTaggart, 2000) atau *critical action research* (Mills, 2000).

Dari satu sudut yang lain, Kemmis & Wilkinson (1998) menggariskan 6 ciri utama kajian tindakan penyertaan, iaitu:

- i. Kajian tindakan penyertaan merupakan satu proses sosial di mana penyelidik meneroka perhubungan di antara individu dengan orang lain. Ini adalah untuk memahami bagaimana interaksi sosial “membentuk” orang perseorangan. Dalam konteks pendidikan, ia boleh digunakan untuk meneroka kerjasama antara guru;
- ii. Bentuk inkuiri bercorak penyertaan. Ini bermakna individu menjalankan kajian berhubung dengan diri mereka sendiri. Dalam proses ini, mereka meneliti bagaimana pemahaman, kemahiran, nilai dan pengetahuan menggalakkan dan mencegah amalan tindakan mereka sendiri. Sebagai



contoh, guru boleh mengkaji diri mereka sendiri untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang amalan mereka dan bagaimana pengetahuan ini boleh membentuk dan mencegah kerja mereka dengan pelajar;


- iii. Kaedah kajian tindakan ini adalah bersifat praktikal dan kolaboratif. Kajian ini praktikal sebab penyelidik meneroka aspek-aspek seperti komunikasi, penghasilan pengetahuan, dan struktur sosial organisasi itu dengan tujuan mengurangkan perkara yang tidak rasional, tidak produktif, tidak adil, atau tidak mempunyai interaksi yang memuaskan. Kajian ini juga bersifat kolaboratif dengan mementingkan proses inkuiri. Sebagai contoh, guru boleh mewujudkan kolaborasi dengan guru lain untuk mengurangkan birokrasi yang tidak produktif dan tidak memuaskan di sekolah yang mungkin mencegah inovasi di dalam sesebuah bilik darjah;
- iv. Kajian tindakan penyertaan bercorak emansipasi (*emancipatory*). Ia cuba membebaskan orang daripada konstrain yang tidak rasional dan struktur yang tidak adil yang boleh menghindar pembangunan diri serta keyakinan diri. Sebagai contoh, kajian tindakan ini boleh digunakan untuk mengubah prosedur birokratik guru di sekolah bagi memudahkan pembelajaran pelajar;
- v. Tujuan kajian tindakan penyertaan adalah untuk membantu individu bebas daripada beban konstrain seperti yang terdapat pada media, bahasa, prosedur kerja, dan perhubungan tentang kuasa dalam persekitaran pendidikan. Sebagai contoh, guru mungkin terhindar oleh peranan yang dianggap kurang penting (*subservient role*) di daerah pelajaran yakni mereka tidak berasa mereka di “*empowered*” di dalam bilik darjah;
- vi. Kajian tindakan ini adalah *recursive* (reflektif atau dialektikal) dan memberi fokus tentang perubahan (*change*) dalam sesuatu amalan. Ini berlaku dalam bentuk gelung (*spiral*) refleksi dan tindakan. Apabila guru mereflek tentang

peranan mereka di sekolah, mereka akan coba tindakan demi tindakan sehingga mereka berjaya dalam tindakan mereka.

Bolehlah dikatakan bahawa PIPP memberi banyak penekanan terhadap peranan guru sebagai “*emancipated researcher*”. Seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan yang bersifat penyertaan boleh mengatasi masalah asas (*root causes of the problem*) dan bukannya simptom masalah (*symptoms of the problems*). Dalam perkataan lain, guru dapat mengatasi masalah tulen (*real problems*).

## **5. Perbandingan Gelung Kajian Tindakan dengan Gelung Interaksi**

Model tradisional yang selalu diaplikasikan dalam menjalankan kajian tindakan adalah berdasarkan model “*action research cycle*” yang mempunyai asal usul daripada Kemmis dan McTaggart (1988). Menurut Kemmis & McTaggart, model ini mempunyai 4 elemen, iaitu i. Mereflek (*reflect*) ii. Merancang (*plan*) iii. Bertindak (*action*) dan iv. Memerhati (*observe*) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Model ini adalah relevan terutamanya dalam konteks pengendalian kajian tindakan amalan seperti yang dijalankan dalam bilik darjah terhadap pengajaran dan pembelajaran.




Rajah 2: Gelung Kajian Tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988)

Daripada Rajah 2, proses kajian tindakan bermula dengan guru menjalankan refleksi ke atas satu-satu isu pengajaran dan pembelajaran yang hendak ditangani. Kemudian guru itu menyediakan satu plan yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Seterusnya guru melaksanakan plan yang dihasilkan dan dalam proses pelaksanaannya guru terpaksa memerhati kemajuan tindakan yang dijalankan itu. Keseluruhan pelaksanaan itu disifatkan sebagai Gelungan Pertama (*Cycle 1*) dan jika masalah itu tidak dapat diatasi, maka guru bolehlah memulakan proses semula ke Gelungan Kedua (*Cycle 2*) sehinggalah masalah itu diselesaikan. Pada Gelungan Kedua guru mesti mereflek dan membuat adaptasi terhadap plan tindakan beliau. Satu kritikan terhadap model ini ialah ia sentiasa berlanjutan dan tiada mutakhirnya (*finality*). Oleh itu, seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan hendaklah pragmatik dan perlu memastikan bahawa plan tindakan beliau selaras dengan kurikulum yang hendak disampaikan.

Di sebaliknya satu model kajian tindakan yang dipelopori oleh Stringer (1999) adalah lebih sesuai sekiranya seseorang guru hendak menjalankan kajian tindakan bercorak

penyertaan. Stringer (1999) melihat kajian tindakan penyertaan (*participatory action research*) sebagai satu gelung interaksi seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.




Rajah 3: Gelung Interaksi Kajian Tindakan (Stringer, 1999)

Daripada Rajah 3, gelung interaksi menunjukkan 3 fasa kajian, iaitu bermula dengan penglihatan (*looking*), pemikiran (*thinking*) dan tindakan (*action*). Ini menunjukkan proses itu berulang dan sentiasa diperbaharui. Dalam model ini, Stringer (1999) mengutamakan penglihatan (*looking*) untuk membina satu gambaran bagi membolehkan pihak yang berkepentingan (*stakeholder*) memahami isu yang mereka alami. Fasa ini meliputi pengumpulan data (seperti melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen), merekod dan menganalisis maklumat serta membina dan melapor kepada pihak yang berkepentingan. Fasa seterusnya meliputi pemikiran (*think*), iaitu mentafsir isu-isu dengan lebih mendalam dan mengenal pasti keutamaan bagi menjalankan tindakan. Pada fasa terakhir, penyelidik bertindak (*act*), iaitu menghasilkan penyelesaian-penyelesaian yang praktikal terhadap masalah-masalah yang timbul. Ini merangkumi pengujudan pelan tindakan dan menentukan hala tuju seperti menentukan objektif, tugas, dan orang-orang yang akan melaksanakan objektif serta memperoleh sumber-sumber

yang diperlukan. Ia juga termasuk melaksanakan pelan, menggalakkan orang menjalankannya dan menilainya dari segi keberkesanan dan pencapaian.

Schmuck (1997) menggariskan evolusi kajian tindakan sebagai mempunyai beberapa fasa tertentu bermula dari 1970'an sehingga 2000'an seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4. Rajah itu jelas menunjukkan pergerakan daripada jenis kajian tindak amalan yang berasaskan bilik darjah kepada jenis yang bersifat *global*, iaitu “*teacher and school inquiries*” pada masa sekarang. Pergerakan kajian tindakan itu memberi tekanan terhadap kajian tindakan amalan pada 1970'an dan seterusnya melibatkan komuniti dan pihak berkepentingan pada masa sekarang.



Rajah 4: Evolusi Kajian Tindakan bagi Guru dan Sekolah (Schmuck, 1997)

## 6. Refleksi dalam Kajian Tindakan: Penggunaan Media Elektronik

Teknologi yang kian maju masa kini membolehkan guru yang hendak menjalankan kajian tindakan menggunakan berbagai-bagai alat elektronik untuk membuat refleksi. Kalau dahulunya guru hanya menggunakan kaedah “*recall*” iaitu pemikiran semula apa yang berlaku sepanjang pengajaran beliau, kini mereka boleh merekod proses pengajaran dan pembelajaran secara terperinci melalui alat elektronik ini dan menggunakan rakaman ini untuk meninjau semula pengalaman yang dilaluinya. Oleh yang demikian mereka

dapat menghasilkan pelan tindakan dengan lebih baik. Di antara alat elektronik yang paling digemari guru ialah kamera video digital. Kamera video boleh diletakkan di satu penjuru bilik darjah bagi merekod segala aktiviti sebenar semasa guru mengajar. Rakaman dalam video dan audio membolehkan guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan semasa mengajar serta meninjau bagaimana pelajar berinteraksi di antara guru dengan pelajar serta pelajar dengan pelajar. Oleh kerana kajian tindakan boleh dijalankan hanya oleh seorang guru maka bantuan video amat berfaedah sebab guru biasanya tidak dapat membuat pencerapan kelas semasa mengajar. Bahan rakaman ini kemudiannya digunakan untuk membuat refleksi, merancang tindakan dan membuat pemerhatian seperti yang diperlukan dalam kajian tindakan.

Bagi aspek refleksi Risko, Roskos, & Vukelich (2002) berpendapat ia dapat mewujudkan asas bagi menilai situasi dan membuat keputusan yang rasional serta memberikan guru peluang untuk mewujudkan perhubungan di antara teori dan amalan. Dengan menjalankan refleksi, para guru akan memahami kepercayaan diri dengan lebih mendalam dan seterusnya menyesuaikan diri dengan perspektif baru. Melalui refleksi, guru menggunakan inkuiri untuk memperoleh keputusan tentang pengajarannya. Oleh yang demikian, seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan boleh menjalankan refleksi untuk menambah-baikkan pengajaran dan pembelajaran (Black, 2001), mengesahkan apa yang beliau jalankan dan melawan tradisi (Ferraro, 2000). Banyak program persediaan guru menganggap refleksi sebagai sasaran utama (Loughran, 2002) dan ia berhubung rapat dengan piawaian pendidikan guru. Conderman & Morin (2004) menyarankan beberapa cara untuk menjalankan refleksi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya adalah:

- i. Menganalisis pita audio yang digunakan dalam pengajaran;
- ii. Menganalisis rakaman video yang digunakan semasa mengajar;
- iii. Mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat;
- iv. Menggunakan *web-based chat*;
- v. Mewujudkan sistem fail pelajar;
- vi. Melibatkan diri secara aktif dalam program *mentor-mentee*;

- vii. Mewujudkan *portfolio* yang mengandungi perkara-perkara seperti falsafah pengajaran, pendekatan pengajaran, dan pengurusan kelas; dan
- viii. Mencari bahan-bahan tentang pengajaran dan pembelajaran daripada Internet.

## **7. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif dalam kajian tindakan**

Sebenarnya asal usul kajian tindakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Walau bagaimanapun di Malaysia, bolehlah dikatakan hampir semua guru yang menjalankan kajian tindakan menggunakan pendekatan kuantitatif. Di negara-negara Barat, kebanyakan kajian tindakan yang dijalankan oleh guru adalah jenis kualitatif disebabkan guru di situ mempercayai bahawa pendekatan kualitatif boleh memperoleh (*capture*) segala-gala proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik di samping membantu guru membuat refleksi dengan lebih baik.

Pendekatan kuantitatif berpunca daripada bidang positivisme (*positivism*) yang mementingkan aspek pengukuran melalui pengumpulan data numerik. Pendekatan ini menggunakan teknik-teknik yang objektif bagi menjelas dan meramal tingkah laku. Oleh itu, perkara inferens selalu dikaitkan dengan pendekatan kuantitatif. Di sebaliknya pendekatan kualitatif mementingkan fenomenologi (*phenomenology*) yang melihat keunikan (*uniqueness*) kejadian sosial. Oleh itu, pendekatan kualitatif memperoleh maklumat dalam bentuk teks.

Daripada laporan-laporan kajian tindakan yang dihantar ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, bolehlah dikatakan kebanyakan guru menggunakan jenis eksperimental dengan mewujudkan hanya satu kumpulan eksperimental sahaja. Kumpulan eksperimen ini biasanya diuji (ujian pra) sebelum permulaan kajian (*pretest*) dan seterusnya didedahkan kepada satu jenis rawatan (*treatment*) seperti penggunaan kaedah inovatif dan kemudiannya kumpulan pelajar yang sama dikehendaki untuk mengambil satu ujian pasca (*post-test*). Perbezaan di antara pencapaian kedua-dua ujian itu menjadi asas bagi mengukur kejayaan atau pun kegagalan sesuatu kajian tindakan. Penggunaan elemen "*net gain*" ini yang berasaskan hanya satu kumpulan eksperimen tidaklah begitu kukuh sebab tiada unsur kawalan (*control*). Oleh itu guru yang

menjalankan kajian tindakan seharusnya mewujudkan kumpulan kawalan (*control group*) bagi menjadikan pengukuran itu lebih objektif.

Oleh yang demikian, guru yang hendak menjalankan kajian tindakan boleh memikirkan cara untuk memasukkan kumpulan kawalan supaya menjadikan asas kajian lebih kukuh. Ini menjelaskan kenapa di negara barat guru lebih mengutamakan kaedah deskriptif dalam kajian tindakan disebabkan kajian tindakan tidak memerlukan guru membuat inferens dan menggeneralisasikan dapatan kepada populasi yang lain.

### **8. Konsep Inovasi dan Kreativiti dalam Kajian Tindakan**

Satu persoalan yang sentiasa ditimbulkan ialah “Adalah kajian tindakan berkehendakkan guru menjalankan projek yang inovatif dan kreatif?” Soalan ini memang sukar dijawab sebab bukan semua pelan tindakan kajian tindakan berkehendakkan satu pendekatan yang baru dan inovatif. Jika seseorang guru menggunakan teknik pengajaran bercorak multimedia tetapi pelajar tidak tahu menggunakan koswer dengan baik ini boleh mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Perkara inovasi di sini sebenarnya boleh mencegah proses P & P. Di sebaliknya, jika seseorang guru menggunakan kaedah konvensional “*chalk and talk*” tetapi berjaya mengajar semua konsep dengan baik dan pelajar memahami apa yang diajar, maka guru ini bolehlah disifatkan sebagai lebih berkesan berbanding dengan guru inovatif. Oleh itu, konteks di mana sesuatu pengajaran dijalankan itu mestilah dipertimbangkan dalam penghasilan pelan tindakan. Guru yang menjalankan kajian tindakan mesti melihatkan persekitaran yang dia berada dan menggunakan teknik atau kaedah yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar.

Berhubung dengan persoalan kreativiti, guru hendaklah sentiasa kreatif dalam kajian tindakan. Ini disebabkan tanpa kreativiti, guru tidak akan mencari pendekatan alternatif untuk mengatasi sesuatu masalah yang dihadapinya. Kajian tindakan seperti penyelidikan asas adalah berpusatkan kepada “pendekatan masalah” atau “*problem-based approach*”. Pendekatan yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan adalah “fokus kajian”, maknanya sama dengan “mengenal pasti masalah kajian”. Sesuatu kajian dijalankan jika terdapatnya masalah yang berhubung




dengan pengajaran atau pembelajaran atau kedua-duanya. Penyelesaian masalah ini memerlukan kreativiti seseorang guru.

Seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan sebenarnya terlibat dalam *self-reflective research* di mana mereka melihat diri sendiri dalam konteks bilik darjah yang mereka ajar. Dalam perkataan lain, kajian tindakan menyerupai satu bentuk perkembangan diri bagi guru. Guru menjalankan kajian tindakan sebagai satu eksperimen untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajarannya, memantau tindakannya dan seterusnya membina semula pentafsiran tindakannya itu sebagai asas untuk tindakan masa depan. Kesemua ini memerlukan guru yang kreatif. Dengan berbuat demikian, guru itu boleh mempertimbangkan berbagai cara penyelesaian masalah yang dihadapinya dan belajar cara untuk menangani masalah dengan baik.

## **9. Kolaborasi dalam Kajian Tindakan**

Kajian tindakan berkehendakkan guru berkolaborasi dengan guru yang lain, iaitu peserta-peserta yang lain dalam kajian itu. Peserta-peserta ini termasuk guru-guru lain dalam sesebuah sekolah ataupun *personel* di luar sekolah seperti dari Kementerian Pelajaran, JPN, PPD, universiti ataupun pihak berkepentingan. Sekiranya orang luar diperlukan, maka kumpulan ini seharusnya peka dan sensitif terhadap lain-lain peserta dalam projek. Yang penting ialah kerjasama dan komunikasi perlu diwujudkan di kalangan berbagai-bagai pihak seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.



Rajah 5: Pasukan Kolaborasi dalam Kajian Tindakan (disesuaikan daripada Creswell, 2005), h. 561

Seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5, kumpulan-kumpulan itu boleh terlibat dalam memungut data, menganalisis data dan membantu dalam penghasilan laporan akhir.

Guru yang menjalankan kajian tindakan berkongsi maklumat atau dapatan kajian beliau dengan guru lain. Sungguhpun laporan kajian boleh diterbitkan dalam jurnal akademik tetapi guru yang menjalankan kajian tindakan lebih mirip kepada perkongsian dalam masyarakat guru setempat untuk mempromosikan perubahan (*change*). Teknologi Internet kini telah membolehkan para guru berkongsi maklumat melalui emel, blog, laman web, e-group ataupun *instant messaging*. Oleh itu, peluang untuk berkongsi dengan guru lain memang luas berbanding 15 tahun dahulu apabila Kementerian Pelajaran cuba pada awalnya membudayakan kajian tindakan di kalangan guru.

## 10. Teknologi Terkini dalam Analisis Data Kajian Tindakan

Setakat ini, kajian tindakan yang dijalankan oleh guru di Malaysia hanya menggunakan kaedah penganalisan data manual. Oleh kerana projek kajian tindakan telah pun dijalankan kian begitu lama, maka para guru perlulah menjelajah ke tahap yang lebih tinggi, iaitu dengan menggunakan komputer untuk membuat analisis data. Jika seseorang guru hendak menjalankan kajian tindakan berdasarkan saiz sampel yang kecil, beliau boleh menjalankan penganalisan secara manual, iaitu melalui kalkulator jika hanya

mengira statistik perihalan berdasarkan satu dimensi data kuantitatif. Dalam kajian kualitatif, oleh kerana data adalah dalam bentuk teks, maka penghasilan kategori-kategori respons berdasarkan tema-tema atau pola-pola tertentu boleh dijalankan dengan memindahkan teks yang sama makna melalui program pemrosesan perkataan seperti Word. Ulasan juga boleh dibuat dengan menggunakan Word melalui option *Insert* → *Comment*. Kalau bilangan respons teks tidak banyak, guru boleh mengira terus daripada instrumen yang digunakan dengan meletakkan kod di sebelah teks mengikut kes demi kes.

Walau bagaimanapun, teknologi masa kini telah menjadikan analisis data amat mudah dan guru juga boleh menggunakan pendekatan lapisan (*layering*) data. Sebagai contoh, data boleh diwujudkan *layer* misalnya variabel jantina wujud pada *layer* pertama manakala variabel pendapatan keluarga boleh wujud pada kategori kedua. Penggunaan lapisan data ini mengakibatkan penghasilan analisis yang lebih baik dan ini membolehkan guru menghasilkan *diagnosis* atau pelan tindakan yang lebih bermakna sebab guru boleh melihat data dengan lebih terperinci.

Adalah dicadangkan supaya guru menggunakan perisian yang sesuai seperti program SPSS yang direka khas untuk membantu para penyelidik. SPSS menghasilkan tiga jenis perisian untuk membantu guru yang hendak menjalankan kajian tindakan, iaitu: i. perisian membina instrumen dan memasukkan data ii. perisian analisis kuantitatif dan iii. perisian analisis kualitatif. Seseorang guru yang hendak membina instrumen bolehlah menggunakan *SPSS Data Entry* untuk membina instrumen dan terus mendefinisikan variabel dalam *softcopy* instrumen itu. Perisian ini kini berada pada versi 4. Bagi perisian analisis kuantitatif, perisian SPSS Base adalah mencukupi bagi semua analisis yang hendak dijalankan oleh seseorang guru. Kini perisian ini berada pada versi 15. Manual Kajian Tindakan (edisi 2007) mempunyai satu bahagian untuk menganalisis data melalui perisian SPSS. Analisis data kualitatif dalam bentuk teks berkehendakkan seseorang penyelidik mengkategorikan pola-pola dan tema-tema teks yang diperolehi. Dalam aspek ini, *SPSS Text Analysis for Surveys* boleh digunakan untuk menganalisis teks. Perisian lain, juga daripada SPSS ialah *TextSmart*, iaitu satu jenis perisian analisis kualitatif yang boleh disesuaikan untuk menganalisis teks dalam Bahasa Melayu.

## 11. Rumusan

PIPP menyarankan bahawa kejayaan objektif utamanya memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan. Kejayaan kajian tindakan memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang berkaitan dengan “bisnes” pendidikan bukan sahaja di sekolah tetapi di KPM, JPN dan PPD – guru, pentadbir, pelajar, komuniti – semua ini seharusnya bersama-sama mencari penyelesaian terhadap isu-isu P & P. Hanya dengan inilah maka ia akan membawa perubahan terancang di sekolah dan memberi *empowerment* kepada guru dan sekolah.

### Bibliografi

- Adler, N., Shani, A.B., & Styhre, A. (2004). Collaboration research in organizations. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Airasian, P. & Gullickson, A. (1997). A teacher self-evaluation tool kit. Corwin Press.
- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A. (2002). Introduction to research in education. 6<sup>th</sup> Ed. Belmont: Wadsworth.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (1995). Modul Kajian Tindakan. Kuala Lumpur: PIER - Sub Program 4, BPPP, KPM.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). Manual Kajian Tindakan. Kuala Lumpur: BPPDP, KPM.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Rancangan Malaysia Ke-9: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006 – 2010. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Berskerville, R.L. (1999). Investigating information systems with action research. Communications of the Association for Information Systems, 1999(2).
- Black, S. (2001). Thinking about teaching. American School Board Journal, 108(11), 42 – 44.
- Bodgan, R. & Biklen, S. (1992). Qualitative research in education, 2<sup>nd</sup> Ed. Boston: Allyn and Bacon.

- Carl, W. & Kemmis, S. (1986). Becoming critical education, knowledge and action research. London: Falmer Press.
- Conderman, G. & Morin, J. (2004). 20 Ways to reflect upon your practice. Intervention in School and Clinic, 40 (2), Nov. 2004, 111 – 115.
- Coughlan, P. & Coghlan, D. (2002). Action research for operations management. International Journal of Operations and Production Management, Vol. 22, No. 2, 220 – 40.
- Craig, D.V. (2004). Practitioner action research: Action research to improve practice. Work Based Learning in Primary Care, 2004 (2), 324 – 327.
- Creswell, J.W. (2005). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. 2<sup>nd</sup> ed. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Dick, B. (2004). In the pursuit of change and understanding. Forum: Qualitative Social Research, Vol. 5, No. 3, Art. 34, September 2004.
- Ferraro, J. (2000). Reflective practice and professional development. ERIC document retrieved via Ebsco.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2000). Educational Research: Competencies for analysis and applications. 6<sup>th</sup> Ed. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Gummesson, E. (2000). Qualitative methods in management research. 2<sup>nd</sup> Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Jamil Ahmad. (2005). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru: Satu Penilaian. Kertas dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Ke XII 2005 dari 6 – 9 Disember 2005 di Swiss Garden Resort, Pahang.
- Kemmis, S. (1994). Dikod dari John W. Creswell, 2005, Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research, 2<sup>nd</sup> Ed., Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). The action research planner. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Kemmis, S. & Wilkinson, M. (1998). Participatory action research and the study of practice. Dalam B. Atweh, S. Kemmis, and P. Weeks (Eds.), Action research in practice: Partnerships for social justice in education (pp. 21 – 36). London and New York: Routledge.

- Koszalka, T., Song, H.D., & Grabrowski, B. (2002). Examining learning environmental design issues for prompting reflective thinking in web-based PBL. Kertas dibentangkan dalam annual meeting of the American Educational Research Association, April, 2002, New Orleans, L.A
- Loughran, J. (2002). Effective teacher practice: In search of meaning in learning about teaching. Journal of Teacher Education, 53(1), 33 – 43.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1994). Qualitative data analysis: An expanded sourcebook. 2nd Ed., Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mills, G.E. (2000). Action research: A guide for the teacher researcher. Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice Hall.
- Osterman, R.K. & Kottkamp, R.B. (1993). Reflective practice for educators: Improving schooling through professional development. Newbury Park, CA: Corwin Press.
- Ponte, P., Bejjard, D. & Ax, J. (2004). Don't wait till the cows come home: Action research and initial teacher education in three different countries. Teachers and Teaching: Theory and Practice, Vol. 10, No. 6, December 2004.
- Reason, P. & Torbert, W.R. (2001). The action turn: Toward a transformational social science. Concepts and Transformation, Vol. 6, No. 1, 1 – 38.
- Risko, V., Roskos, K., & Vulkelich, C. (2002). Prospective teachers' reflection: Strategies, qualities, and perceptions in learning to teach reading. Reading Research and Instruction, 41(2), 149 – 175.
- Schmuck, R.A. (1997). Practical action research for change. Arlington Heights, IL: IRI/SkyLight Training and Publishing.
- Stringer, E.T. (1999). Action research. 2<sup>nd</sup> ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Susman, G. & Evered, R. (1978). An assessment of the scientific merits of action research. Administrative Science Quarterly, Vol. 23, 582 – 603.
- Tuckman, B.W. (1999). Conducting educational research. 5<sup>th</sup> ed. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wiersma, W. (2000). Research methods in education: An introduction. Boston: Allyn & Bacon.